

TAHAP BEBANAN PENJAGA WARGA TUA YANG MENGALAMI MASALAH KEMEROSOTAN DAYA INGATAN (DEMENTIA)

ABSTRAK

Bebanan yang dihadapi penjaga warga tua sepanjang melaksanakan tugas penjagaan boleh memberi kesan kepada kehidupan mereka. Hal ini demikian kerana, warga tua merupakan golongan yang berisiko menghidap satu atau lebih penyakit kronik sehingga boleh mengakibatkan berlakunya pergantungan dari segi fungsi. Dementia adalah sindrom kemerosotan fungsi otak disebabkan kerosakan secara berperingkat dimana berupaya merosakkan keupayaan kemahiran berfikir dan menganalisis serta boleh mengganggu aktiviti kehidupan harian yang biasa. Malaysia akan diwartakan sebagai negara menua disebabkan populasi warga tua yang dikatakan terus meningkat mencecah kepada 5.1 juta iaitu sebanyak 15 peratus menjelang tahun 2030. Justeru itu, dengan bertambahnya bilangan warga emas yang berisiko menghidap dementia, maka jumlah bilangan penjaga dalam kalangan masyarakat juga akan turut bertambah. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap bebanan penjaga warga tua yang mengalami kemerosotan daya ingatan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti sejauh manakah tahap bebanan tersebut menjejaskan kesihatan fizikal, mental, sosial dan ekonomi penjaga. Lokasi kajian yang telah dipilih pengkaji adalah di institusi warga tua iaitu Rumah Ehsan yang terletak di Dungun, Terengganu. Data kajian telah diperolehi secara kuantitatif melalui kaedah soal selidik. Borang soal selidik tersebut telah diedarkan kepada 30 orang responden iaitu penjaga yang bertugas di institusi warga tua tersebut. Pemilihan sampel ini adalah secara rawak bertujuan kerana pengkaji hanya mengambil sampel dalam kalangan penjaga warga tua dementia sahaja. Borang soal selidik ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu profil penjaga, profil pesakit dan tahap bebanan terhadap kesihatan fizikal, mental, sosial dan ekonomi penjaga. Data mentah yang telah diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20.0. Analisis statistik yang telah digunakan dalam kajian ini pula adalah analisis deskriptif dan skala likert. Hasil kajian telah mendapati bahawa tahap bebanan penjaga warga tua yang mengalami masalah kemerosotan daya ingatan adalah berada pada tahap rendah. Oleh itu, menerusi hasil kajian yang telah diperolehi, beberapa cadangan telah dikemukakan pengkaji kepada pihak kerajaan, institusi, komuniti, keluarga dan pekerja sosial supaya penambahbaikan boleh dilaksanakan bagi membantu mengurangkan tahap bebanan penjaga warga tua dementia.

Kata Kunci: Tahap beban; dementia; warga emas; penjaga